



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### KEMPEN PENGAKTIFAN SEMULA KAD DEBIT AGRO-i

| NO. | SOALAN  | JAWAPAN   |
|-----|---|---|
| 1   | Siapakah penganjur bagi Kempen ini?   | Kempen ini dianjurkan oleh Agrobank.  |
| 2   | Mengapakah Kempen ini dinamakan “Kempen Pengaktifan Semula Kad Debit AGRO-i” oleh Agrobank? | Kempen ini dinamakan “Kempen Pengaktifan Semula Kad Debit AGRO-i” oleh Agrobank kerana objektif utamanya adalah untuk menggalakkan pemegang Kad Debit AGRO-i yang tidak aktif menggunakan semula kad mereka.  |
| 3   | Berapa lamakah Tempoh Kempen ini akan dijalankan?   | Kempen berjalan dari 1 Ogos 2025 sehingga 30 November 2025.   |
| 4   | Apakah Konsep Syariah bagi Kempen ini?  | <p>Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat).</p> <p>Berdasarkan kepada prinsip Hibah Mu’allaqah, Agrobank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.</p>   |
| 5   | Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?   | <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Debit AGRO-i terpilih (tidak aktif menggunakan Kad Debit AGRO-i) selama tiga (3) bulan sebelum Tempoh Kempen.</li> <li>b) Kakitangan Agrobank layak untuk menyertai Kempen ini (kecuali kakitangan daripada Jabatan Komunikasi Pemasaran dan Jabatan Perbankan Digital).</li> <li>c) Pemegang Kad Debit AGRO-i perlu membuat transaksi menggunakan Kad Debit AGRO-i dengan menggunakan fungsi ‘tanpa sentuh’ atau ‘leret’ untuk segala jenis barang dan perkhidmatan yang halal dan patuh syariah sahaja.</li> </ul> |

|    |  |  |
|----|--|--|
| 6  | Bagaimakah pelanggan boleh menyertai Kempen ini?   | <p>a) Penyertaan ini adalah automatik dan tanpa pendaftaran. Untuk menyertai Kempen ini, pelanggan yang layak hendaklah membuat perbelanjaan di mana-mana kedai fizikal dalam satu resit Tunggal menggunakan Kad Debit AGRO-i dan pelanggan akan menerima Pulangan Tunai RM10.</p> <p>b) Kedai fizikal yang layak bagi Kempen ini seperti <b>kedai runcit, pasar raya, kedai serbaneka, restoran</b> dan <b>pusat perkhidmatan kerajaan</b>.</p> |
| 7  | Berapakah Pulangan Tunai yang ditawarkan untuk Kempen ini?                                   | <p>a) Pulangan Tunai adalah terhad kepada RM10 bagi setiap pelanggan sepanjang Tempoh Kempen atas dasar yang pertama didahulukan (<i>first come, first served basis</i>).</p> <p>b) Pemegang Kad Debit AGRO-i hanya dibenarkan memenangi Pulangan Tunai sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.</p> <p>c) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini adalah dihadkan kepada RM80,000 sepanjang Tempoh Kempen.</p>                           |
| 8  | Adakah pelanggan yang aktif menggunakan Kad Debit AGRO-i layak untuk Kempen ini?             | <p><b>Tidak.</b> Kempen ini khas untuk pemegang Kad Debit AGRO-i yang tidak aktif menggunakan selama tiga (3) bulan sebelum Tempoh Kempen.</p>   |
| 9  | Bagaimakah Pulangan Tunai yang dimenangi oleh pelanggan akan diberikan kepada pemenang?      | <p>Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Agrobank pemenang selepas tamat Tempoh Kempen.</p>  |
| 10 | Bagaimakah pelanggan akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai pemenang bagi Kempen ini? | <p>Butiran semua pemenang (nama dan empat (4) nombor terakhir kad pengenalan) akan dipaparkan di <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> (Laman Sesawang Rasmi Agrobank) dan/atau halaman media sosial rasmi Agrobank dan/atau e-mel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Agrobank.</p>   |
| 11 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar hadiah yang diperolehi dengan bentuk / barang lain? | <p>Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.</p>  |

|    |  |   |
|----|--|---|
| 12 | <p>Siapa yang perlu saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen ini?</p> | <p>Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 atau;</li> <li>• Layari laman sesawang rasmi Agrobank di <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a>; atau;</li> <li>• Lawati / kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.</li> </ul> |
|----|--|---|

Nota: Tertakluk kepada Terma & Syarat Kempen.



[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)



[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV